

Mengapa kita gagal jaga sungai

Kempen 'Cintai Sungai Kita' yang berusia hampir 20 tahun ternyata gagal. Tebing sungai diperindahkannya, namun air sungai semakin kotor kerana manusia masih mengabaikan kebersihan sungai. Tebing sungai cantik, air sungai tetap kotor bermakna penduduk Malaysia belum sedar mengenai aspek memelihara dan memelihara alam sekitarnya.

Masyarakat Malaysia harus terus disedarkan agar mereka sensitif terhadap persekitaran yang bersih. Semasa di sekolah rendah dan menengah, sudah penat guru mengajarkan murid-murid sejak di tadika, prasekolah untuk menghormati nilai dan makna kebersihan serta menghormati dan mencintai alam sekitar termasuk sungai.

Malaysia mempunyai 189 sistem sungai yang merangkumi 1,800 sungai dan anak sungai dengan panjang keseluruhannya 57,300 kilometer. Namun, amatlah mendukacitakan kerana banyak sungai di negara kita sudah tercemar.

Contoh sungai yang teramat kotor ialah sungai Klang dan Sungai Pinang sehingga dikelaskan kategori ketiga atau keempat. Sungai paling teruk tercemar di Johor ialah Sungai Segget, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau. Di Sungai Pinang, Pulau Pinang sejumlah 120 tan sampah dibuang ke dalamnya setiap tahun. Kehidupan marin sungai semakin pupus dan sungai dijadikan tempat pembuangan sampah dan sisa kilang.

Bilakah sikap masyarakat Malaysia akan berubah terhadap soal kebersihan? Nampaknya sikap tidak suka kepada kebersihan telah menjadi satu penyakit masyarakat yang sukar dicari penawarnya. Tabiat buruk orang ramai membu-

ang sampah merata-rata sewajarnya tidak boleh dimaafkan.

Sikap peniaga sebagai contoh turut menyumbang kepada kekotoran sungai. Contoh yang jelas, sikap peniaga di semua Pasar Malam di seluruh Malaysia yang membuang sisa jualan mereka tidak kiralah apa jua jenis jualan mereka seperti sisa ikan dan ayam yang telah disembelih, mereka tinggalkan saja di pasar malam tersebut dengan niat mengharapkan Majlis Daerah atau Pembersih di tempat tersebut untuk membersihkan sampah sarap "mereka".

Air tercemar

Bagus sungguh sikap mereka? Duit keuntungan berniaga dibawa pulang, tetapi sampah sarap ditinggalkan atau pun mereka buang ke dalam sungai yang berhampiran telah menjadi salah satu punca utama air sungai di seluruh Malaysia kotor dan berbau busuk. Di samping itu, penebangan hutan yang tidak terkawal atau haram menyebabkan sungai membawa keladak dan lumpur ke muara sungai.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.



Berbeza di Korea, sungai jadi tumpuan **orang ramai lakukan aktiviti riadah.**

Tidak tahu sampai bila masalah pembuangan sampah dan sisa pepejal, buangan kilang, buangan air dari dapur akan berakhir sebagai penyebabnya, malahan ketidaksempurnaan sistem merawat kumbahan menjadi penyumbang utama kepada pencemaran sungai.

Pihak Berkuasa Tempatan haruslah bersedia menyediakan pelan perancangan jangka panjang untuk membina projek pembangunan di tepi sungai atau muara sungai dengan menitikberatkan integrasi pelancongan sungai dan perhotelan yang bersesuaian. Seperti yang terdapat di negara Korea, semua sungai dan anak sungai, bahkan tasik terjaga dan terurus tanpa pencemaran.

Semua sungai-sungai di negara

mereka dimanfaatkan dan dijadikan tempat pelancongan.

Mereka tidak membiarkan kawasan di kiri dan kanan sungai terbiar begitu sahaja. Sebaliknya kawasan lapang di kiri dan kanan dijadikan tempat pejalan kaki, tempat menunggang basikal, tempat berjoging, aktiviti rekreasi dan semua pelancong yang datang ke negara mereka dibawa melawat sungai.

Sungai Klang boleh diperindah

Sungai Klang misalnya, boleh dibangunkan dan dipindahkan untuk strategi pelancongan. Boleh disediakan perkhidmatan sampan, perahu, bot atau kapal kecil menyusuri sungai ini kepada pelancong yang datang melawat Malaysia.

Kini, negara kita menghadapi masalah kekurangan air sedangkan negara kita mempunyai banyak sungai yang airnya sepatutnya boleh digunakan untuk membasuh, mandi dan untuk diminum. Namun begitu, pencemaran sungai menyebabkan sungai di Malaysia tidak boleh digunakan langsung dan kini kerajaan Malaysia terpaksa pula mengkaji sumber air bawah tanah untuk meningkatkan simpanan air, sekali gus mengatasi kekurangan bekalan setiap kali musim kemarau.

Sa'adiah Shuib,
Institut Aminuddin Baki,
Genting Highlands